

23 JAN 1998

Mahathir-Wanita

PERTUBUHAN WANITA DISARAN TUBUH BADAN KHUSUS KENDALI SUMBANGAN

KUALA LUMPUR, 23 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyarankan kepada pertubuhan-pertubuhan wanita membentuk sebuah badan untuk mengendalikan penjualan dan pelaburan barang-barang kemas sumbangan mereka yang ingin membantu kerajaan menangani kegawatan ekonomi negara.

Perdana Menteri berkata, sejak kerajaan menyarankan agar golongan wanita menjual barang-barang kemas mereka bagi membolehkan hasilnya disimpan di dalam bank atau dilaburkan di dalam saham-saham amanah, ramai yang telah menyatakan kesediaan untuk berbuat demikian tetapi tidak tahu cara untuk melaksanakannya.

"Saya tak boleh arah yang itu (supaya barang-barang kemas dijual) tetapi pertubuhan-pertubuhan wanita sesama mereka boleh berunding, mereka boleh cari jalan dan tubuh satu badan tertentu untuk menguruskan perkara ini.

"Kita perlu kepada amanah. Kita nak bagi barang kita tentu kita nak tahu siapa yang kita bagi tu," katanya ketika ditanya pemberita selepas majlis "Dialog Bersama Perdana Menteri" anjuran Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (BAKTI) di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Ketika membuat saranan supaya wanita menjual barang-barang kemas mereka baru-baru ini, Dr Mahathir berkata hasil jualan yang disimpan di dalam bank tempatan boleh digunakan sebagai pinjaman kepada para peniaga manakala hasil yang dilaburkan di dalam saham-saham amanah pula boleh digunakan untuk menyokong pembelian saham-saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Pada sesi dialog itu juga wakil beberapa pertubuhan wanita menyuarakan kesediaan mereka untuk membantu kerajaan menangani masalah ekonomi. Bagaimanapun, mereka tidak tahu cara untuk melaksanakannya.

Ketika menjawab soalan seorang daripada wakil itu, Dr Mahathir berkata, jika ramai wanita di negara ini ingin menjual barang-barang kemas milik mereka, ia hendaklah dijual di luar negara.

"Kalau semua nak jual tak mungkin peniaga tempatan boleh membeli kesemuanya. Jadi lebih baik jual di luar negara dan bawa balik tukaran asing untuk disimpan di dalam negara kita," katanya.

Beliau berkata, penjualan seumpama itu perlu dilakukan secara terancang kerana sukar untuk menjayakannya secara individu.

Sementara itu, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yakin anggota-anggota BAKTI secara individu bersedia "mengorbankan" barang-barang kemas mereka demi membantu kerajaan menangani masalah ekonomi.

Dr Siti Hasmah, yang juga Yang Dipertua BAKTI, bagaimanapun berkata, badan itu tidak akan memaksa anggotanya berbuat demikian kerana ia sesuatu yang patut dilakukan secara sukarela.

"Terdapat seramai 75 orang anggota BAKTI dan setiap seorang sudah tentu mempunyai pandangan masing-masing mengenai perkara ini. Oleh itu, kami perlu mengadakan mesyuarat terlebih dahulu untuk membincangkannya," katanya ketika ditemui pemberita selepas majlis dialog itu.

Beliau berkata, memang ramai wanita yang ingin membantu kerajaan menangani masalah ekonomi pada masa ini tetapi tidak mengetahui caranya.

"Kalau kita nak beri wang, siapa yang nak menerimanya. Adakah nak kena register. Banyak orang ingin menderma tapi tak tahu bagaimana," katanya.

Ketika ditanya sama ada BAKTI sendiri akan mengambil inisiatif untuk menjalankan gerakan itu di kalangan wanita, beliau berkata: "Tak semestinya

BAKTI yang memulakan. Ada banyak lagi pertubuhan wanita yang lain". --
BERNAMA
AH NMO